


|            |                            |             |                     |
|------------|----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Fama sasar jualan RM3 juta |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro (Timur)       |             |                     |
| Date       | 01 Jun 2019                | Color       | Full Color          |
| Section    | News                       | Circulation | 7,330               |
| Page No    | 48                         | Readership  | 21,990              |
| Language   | Malay                      | ArticleSize | 228 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                        | AdValue     | RM 6,719            |
| Frequency  | Daily                      | PR Value    | RM 20,156           |



## Fama sasar jualan RM3 juta

**Kota Bharu:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan jualan sebanyak RM3 juta menerusi Program My Best Buy Pra Aidilfitri yang berlangsung semalam.

Pengarah FAMA Kelantan, Mohd Ariffin Awang berkata, program itu berlangsung dua hari di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini, menawarkan produk pertanian terpilih pada harga berpatutan.

Katanya, potongan harga antara 5 hingga 20 peratus turut diberikan berbanding harga di pasaran setempat.

"Ini adalah inisiatif kita

untuk membantu rakyat menangani kos sara hidup dengan cara jualan produk terus daripada pengeluar kepada pengguna pada harga yang berpatutan.

"Di RTC Tunjong, ada 745 peniaga termasuk pemborong dan peruncit," katanya selepas merasmikan Program My Best Buy Pra Aidilfitri, semalam.

Mohd Ariffin berkata, sa-

saran ditetapkan lebih tinggi daripada jualan hari biasa iaitu sekitar RM1 juta sehari.

Katanya, sekurang-kurangnya 20 peratus pertau yang pulang berhari raya dijangka mengunjungi RTC untuk mendapatkan barang keperluan harian selain lengkapkan hari raya.

Bagi memudahkan pengunjung meletakkan kenderaan, 1,200 lot parkir percuma disediakan RTC.

**FAKTA**  
1,200 lot parkir  
percuma  
disediakan RTC